

20/01/2003

Awang Adek beri komitmen mantapkan Kelantan

KOTA BHARU: Bendahari Umno Kelantan yang baru, Datuk Dr Awang Adek Hussin, memberi komitmen untuk sama-sama berusaha memperkuat Umno Kelantan, sejajar harapan dan kehendak rakyat yang mahu melihat perubahan politik di negeri itu.

Katanya, cara terbaik ke arah itu dan mengembalikan keyakinan rakyat terhadap Umno ialah gandingan dan kerjasama pemimpin lama dan baru.

Sehubungan itu, beliau yang juga Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB) berkata, beliau sedia memikul tanggungjawab seperti diamanahkan pucuk pimpinan sejajar pelantikannya.

Beliau berterima kasih kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed, atas kepercayaan melantikinya ke jawatan itu.

"Saya menerima tanggungjawab ini (bendahari) dengan rasa rendah diri dan akan memikul tanggungjawab dengan berhati-hati.

"Namun, dalam usaha mengukuh dan memperkuat Umno, ia adalah tanggungjawab besar serta memerlukan gandingan pemimpin lama dan baru.

"Saya secara peribadi turut memikirkan itu langkah terbaik mengukuhkan Umno dan meningkatkan keyakinan rakyat bagi memenuhi harapan mereka terhadap Umno yang mula mengalami angin perubahan," katanya kepada Berita Harian ketika ditemui, di sini, semalam.

Awang Adek adalah antara empat muka baru menganggotai Badan Perhubungan Umno Kelantan. Beliau dilantik Bendahari Umno Kelantan, menggantikan Datuk Dr Nik Hussin Abdul Rahman.

Pelantikan beliau diumumkan Mustapa, Khamis lalu, dengan persetujuan Dr Mahathir yang membuat rombakan Badan Perhubungan Umno negeri itu yang turut membabitkan jawatan Timbalan Pengerusi Perhubungan, sebagai strategi menawan semula Kelantan, di samping menonjolkan muka baru berpotensi untuk menggerakkan Umno Kelantan seiring kehendak rakyat.

Dalam rombakan itu, jawatan timbalan pengerusi diserahkan kepada Zaid Ibrahim yang juga Ketua Umno bahagian Kota Bharu, menggantikan Datuk Annuar Musa, manakala Mustapa kekal Pengerusi Perhubungan.

Selain itu, Timbalan Ketua Umno bahagian Tumpat, Mat Nawawi Jusoh dilantik Setiausaha Perhubungan menggantikan Tuan Mohd Hashim Tuan Yaacob manakala Mohd Alwi Che Ahmad, Timbalan Ketua Umno bahagian Peringat dilantik Ketua Penerangan menggantikan Datuk Ismail Mamat.

Mengenai badan bukan kerajaan (NGO) di Kelantan, Awang Adek yang juga Presiden Majlis Gabungan NGO Kelantan berharap badan seumpama itu memainkan peranan lebih bermakna dan turut terbabit membela nasib rakyat Kelantan.

Katanya, tumpuan akan diberi kepada usaha untuk membawa perubahan pemikiran dan kesedaran rakyat Kelantan mengenai pentingnya kemajuan dan pembangunan dibawa Kerajaan Pusat yang perlu diberi sokongan sejajar tuntutan agama.